2018

# الشهادة الدينية العالية الماليزية

Telegram.me/NahuSoraf_STAM

# النحو

الجزء الأول من شرح ابن عقيل

@AM_FAH

**Perhatian :**

Segala terjemahan yang dilakukan di dalam helaian nota ringkas ini bukanlah mengikut konsep, kaedah dan teknik terjemahan sebenar bahasa arab ke bahasa Melayu. Terjemahan yang dilakukan dan bahasa yang digunakan adalah semata-mata untuk tujuan kefahaman para pelajar sahaja. Nota ini sekadar ringkasan dan para pelajar digalakkan merujuk semula buku teks dan rujukan yang ada. Penterjemah memohon berjuta kemaafan andai bahasa yang digunakan tidak sesuai dengan struktur ayat yang sebenar. Semoga Berjaya diucapkan kepada semua pelajar STAM 2018!

# الفاعل

### التعريف

- هو الاسم المسند إليه فعل على طريقة فَعَلَ أو شبهه.

Iaitu kata nama yang disandarkan kepadanya fe'el di atas jalan/cara فَعَلَ atau syibihnya (seumpama dengannya.)

### المراد ب :

1) **الاسم**

- ما يشمل الصريح والمؤول به.

Iaitu apa-apa yang mengandungi kata nama yang jelas dan boleh ditakwil.

Contoh :-

قامَ زيدٌ.

*Zaid telah berdiri.*

- Zaid merupakan isim yang sorih (iaitu jelas).

Cth:-

يعجبني أنْ تقومَ - أي قيامُكَ.

Dalam BA, kita boleh tukar masdar muawwal kepada masdar sorih.

Contoh:-

أريد أن أذهبَ > **أريدُ الذَّهابَ.**

أريدُ أنْ أخرُجَ > **أريدُ الخروجَ.**

Masdar seperti الخروجَ, kita boleh takwil seperti cara di atas.

2) **شبه الفعل** :

١) اسم الفاعل

٢) والصفة المشبهة

٣) والمصدر

٤) واسم الفعل

٥) والظرف

٦) والجار والمجرور

٧) وأفعل التفضيل

Untuk yang atas ni, pelajar mesti hafal paling kurang 4 sekali dengan contoh.Boleh rujuk buku masing-masing mengenai contoh. (soalan ni sangat popular di peringkat STAM).

---

Fail merupakan **pelaku.**

Dalam BM boleh diterjemah dengan imbuhan awalan *pe,pem,pen....*

Contoh :-
*pelari,pembonceng,penyelamat.*

---

### Point to remember in Fa'il

ما هو **الفاعل**؟

- هو الاسم المسند إليه فعل على طريقة (فَعَلَ) أو شبهه.

ما المراد **بالاسم**؟

- ما يشمل الصريح والمؤول به

اذكر ثلاثة من **شبه الفعل**.

- اسم الفاعل
- الصفة المشبهة
- المصدر

اذكر ثلاثة من **أحكام الفاعل**.

- التأخر عن رافعه
- لا يجوز حذفه
- تجريد الفعل من علامة التثنية والجمع.

متى **وجوب تقديم الفاعل على المفعول**؟

- إذا خيف التباس أحدهما بالآخر ولم توجد قرينة تبين الفاعل من المفعول.

## 📚 الفاعل 📚

### ✿أحكام الفاعل✿

### ١) التأخرُ عن رافِعِه

(Terkemudian daripada rafi'nya)

Contoh:-

قامَ زيدٌ.

*Zaid telah berdiri*

*Fail bagi ayat di atas adalah زيد.

*Perhatikan kalimah زيد terkemudian daripada قام.

*Kalimah قام memarfu'kan زيد . Sebab itulah kita panggil قام tu رافع.

قام = رافع (yang memarfu'kan)

زيد = مرفوع (yang dimarfu'kan)

### ٢) لا يجوز حذف الفاعل

(Tidak harus hazaf fa'il)

Cth:-

نامَ في الفصلِ.

Ayat di atas ialah ayat yang dihazaf fa'il.Maka tidak harus kita hazaf fa'el.

Sepatutnya:-

نام محمدٌ في الفصلِ

### ٣) تجريد الفعل من علامة التثنية والجمع

Sunyikan fe'el daripada alamat tasniah dan jama'.

(Apabila fe'el berada di permulaan ayat, maka guna feel mufrad)

Cth:-

ذهبَ الطالبانِ إلى المدرسةِ.

Dua orang pelajar telah pergi ke sekolah.

*Perhatikan, fe'el ذهب kita guna dalam bentuk mufrad.

### ٤) تأنيث الفعل مع الفاعل وجوبا.

-إذا أسند الفعل إلى ضمير مؤنث متصل حقيقيا أو مجازيا.

- إذا كان الفاعل ظاهرا حقيقي التأنيث.

(Wajib mentakniskan feel bersama fa'il)

- Sekiranya feel disandar pada dhamir muannas yang bersambung dalam keadaan hakiki atau majazi.

Cth:-

هندٌ قامَتْ، الشمسُ طلعتْ.

- **هند** = اسم العلم المؤنث.

- **الشمس** = مؤنث مجازي.

---

Hukum asal fa'el ialah marfu'.(مرفوع)

Jom kita lihat apa lagi hukum-hukum fa'il yg pelajar STAM patut tahu:-

*(Sila rujuk peta minda di dua halaman ini)*

# 📚 الفاعل 📚

## ❁أحكام الفاعل❁

### ٥) جواز حذف التاء

(Harus dibuang ta')

- إذا فصل بين الفعل وفاعله المؤنث الحقيقي بغير (إلا) - جاز إثبات التاء وحذفها، والأجود الإثبات.

✍ Apabila dipisahkan antara fe'el dan fa'ilnya yang muannas hakiki selain daripada إلا-maka harus menetapkan ta' atau menghazafnya, dan yag terlebih baik adalah menetapkan ta'.

Contoh:-

قام اليومَ هندٌ✓

قامتْ اليومَ هندٌ✓

*ayat kedua lebih afdhol

- وإذا فصل بين الفعل والفاعل المؤنث ب(إلا)- لم يجز إثبات التاء عند الجمهور.

✍ Apabila dipisahkan antara fe'el dan fa'el muannas dengan إلا- maka tidak harus menetapkan ta' disisi jumhur.

Contoh:-

ما قام إلا هند✓

ما قامتْ إلا هند☒

### ٦) وجوب تقديم الفاعل على المفعول

(Wajib mendahulukan fa'el keatas maf'ul)

- إذا خيف التباس أحدهما بالآخر ولم توجد قرينة تبين الفاعل من المفعول - فيجب تقديمه على المفعول.

Apabila dibimbangi/dikhuatiri kesamaran salah satu daripada keduanya dan tidak terdapat qarinah yang menentukan fa'el daripada maf'ul- maka wajib mendahulukan fael keatas maf'ul.

Contoh:-

ضربَ موسَى عيسَى.

موسى ~ Fa'il disni adalah.

- **إن وجدت قرينة تبين الفاعل من المفعول جاز تقديم المفعول وتأخيره.**

Apabilah terdapat qarinah yang menentukan fa'il daripada maf'ul, maka harus mendahulukan maf'ul atau mengkemudiankannya.

Contoh:-

أكلَ الكمثرَى موسَى.

(Musa telah makan buah pea)

~ Fa'il disini adalah **موسى** kerana ada qarinah dari segi makna

~ walaupun **الكمثرى** baris i'robnya kelihatan samar2 dengan **موسى** , tapi ada qarinah dari segi makna dan logik akal.

~ Mestilah Musa yang makan buah pea, tak kan lah buah makan musa 😊. Ia adalah suatu yang mustahil.

# النائب عن الفاعل

## تعريفه

هو ما يحل محل الفاعل بعد حذفه ويأخذ جميع أحكامه.

مثلُ : فُهِمَ الدَّرْسُ.

Definisi:-

☞ Iaitu yang mengganti tempat fa'il selepas dihazaf fa'il dan mengambil semua/seluruh hukum-hukum fa'il.

Contoh:-

فُهِمَ الدرسُ.

Pelajaran telah difahami.

## حكمه

يحذف الفاعل ويقام المفعول به مقامه فيعطى ما كان للفاعل.

☞ Dibuang fa'il dan diletakkan maf'ul bih pada tempat fa'il dan diberikan hukum sebagaiamana fa'il

☞ Sukar untuk faham terjemahan Melayu.Yang penting adalah:-

☞ Untuk jadikan naib fa'il, fa'il mesti dihazaf (dibuang)

☞ Kemudian maf'ul bih akan mengganti tempat fa'il.Ia akan mengambil hukum-hukum fa'il.

## مثل

ضربَ محمدٌ الفأرَ

Muhammad memukul tikus.

- Pada ayat ni, الفأرَ adalah maf'ul bih.Untuk kita jadikan ia sebagai naib fa'il, maka perkara pertama yang mesti dibuat adalah dengan menghazaf (membuang) fa'il.

ضُرِبَ الفأرُ.

Telah dipukul tikus.

- Lihat baris pada الفأرُ adalah dhommah.Asalanya الفأر adalah maf'ul bih, maka dengan sebab kita jadikan ia sebagai naib fa'il , ia mengambil hukum-hukum fa'il.
- Cara penukaran fe'el lilmajhul in sha Allah pada nota yang akan datang.
- Dalam bab ni, pelajar mesti tahu kaedah membina fe'el lilmajhul. Dalam BM, kita boleh terjemah sebagai "kata kerja pasif" iaitu kata kerja yang menerima imbuhan awalan "di".

Contoh:-

Pukul 》 Dipukul

Sepak 》 Disepak

## Cara-cara membina fe’el lilmajhul:

١ ) **إن كان الفعل ماضيا** - يضم أوله ويكسر ما قبل آخره.

Apabila fe’el madhi, maka didhammahkan huruf awalnya dan dikasrahkan huruf sebelum akhir.

Contoh:-

شَرَبَ > **شُرِبَ**

٢ ) **إن كان الفعل مضارعا** - يضم أوله ويفتح ما قبل آخره.

Apabila fe’el mudari’, maka didhammahkan huruf awalnya dan difathahkan huruf sebelum akhir.

Contoh:-

يَفْهَمُ > يُفْهَمُ

٣) **إذا كان ماضيه مفتتحا بتاء المطاوعة** - ضم أوله وثانيه وكسر ما قبل آخره.

Sekiranya fe’el madhi dimulakan dengan ta’ mutawa’ah, maka didhommahkan huruf awalnya dan yang keduanya, dan dikasrahkan sebelum akhir.

Contoh:-

تَعَلَّمَ > تُعُلِّمَ

تَقَدَّمَ > تُقُدِّمَ

تَبَاعَدَ > تُبُوعِدَ

٤ ) **إذا كان ماضيه مفتتحا بهمزة الوصل** - ضم أوله وثالثه وكسر ما قبل آخره.

Sekiranya fe’el madhi dimulai dengan hamzah wasal, maka didhommahkan awalnya dan yang ketiga dan dikasrahkan sebelum akhir.

Contoh:

انطَلَقَ > أُنْطُلِقَ.

**Tips:-**

Ta’ Mutawa’ah:- ☞Huruf ta’ yang terdapat pada fe’el madhi.

Dhommah:- ☞Baris depan

Kasrah:- ☞Baris bawah

Fathah:- ☞Baris atas

### 📚 Point To Remember In Naib Fa’il 📚

✍ ما هو **نائب الفاعل؟**

~ هو ما يحل محل الفاعل بعد حذفه ويأخذ جميع أحكامه.

✍ ما **حكم نائب الفاعل؟**

~ يحذف الفاعل ويقام المفعول به مقامه فيعطى ما كان للفعل.

✍ اذكر **كيفية بناء الفعل للمجعول**.

~ **الفعل الماضي** (يضم أوله ويكسر ما قبل آخره)

مثال:فُتِحَ

~ **الفعل المضارع** (يضم أوله ويفتح ما قبل آخره)

مثال:يُفْتَحُ

~ **الفعل الماضي مفتتحا بتاء المطاوعة** (يضم أوله وثانيه وكسر ما قبل آخره)

مثال:تُعُلِّمَ

~ **الفعل الماضي مفتتحا بهمزة الوصل** (يضم اوله وثالثه وكسر ما قبل آخره)

مثال:أُستُقْبِلَ

✍ إن كان **ثلاثيا معتل العين**:

١) إخلاص الكسر.

٢) إخلاص الضم.

٣) الإشمام.

✍ اذكر **الأشياء التي تنوب عن الفاعل**.

- المفعول به
- ظرف
- مصدر
- الجار والمجرور

٥) **ثلاثيا معتل العين** :

✍ Fe'el yang mempunyai 3 huruf dan huruf ع feel merupakan huruf 'illah

١ ) **إخلاص الكسر**- فينقلب حرف العلة ياء .

Menerima / menzahirkan kasrah

🔍 Tukar huruf i’llah kepada huruf ya’.

Contoh:-

قَالَ < قِيلَ

باعَ < بِيعَ

٢ ) **إخلاص الضم** - فينقلب حرف العلة واوا.

Menerima/menzahirkan dhommah.

🔍 Tukar huruf i’llah kepada huruf waw.

Contoh:-

قال < قُولَ

باعَ < بُوعَ

٣ ) **الإشمام** - وهو الاتيان بالفاء بحركة بين الضم والكسر

🔍 Baca awal huruf antara baris dhommah dan kasrah.

## الأشياء التي تنوب عن الفاعل

**١) مفعول به :**

ضربَ محمدٌ الفأرَ.(للمعلوم)

ضُرِبَ الفأرُ. (للمجهول)

- Kalimah الفأر pada ayata pertama adalah maf'ul bih.
- Maka pada binaan lilmajhul, fa'il dihazaf (dibuang) dan maf'ul bih mengganti tempat fa'il.

**٢) الظرف :**

وقَفَ محمدٌ أمام المسجدِ. (للمعلوم)

وُقِفَ أمام المسجد (للمجهول)

- Muhammad adalah fa'il pada ayat yang pertama.
- Kemudian, محمد dihazaf( dibuang), maka zoraf mengambil tempat fa'il

**٣) المصدر :**

مثال:ضُرِبَ ضَرْبٌ شديدٌ.

*Dia telah dipukul dengan pukulan yang dahsyat/kuat.*

- Masdar yang mengganti tempat fa'il mestilah masdar yang dikhususkan.
- Khusus bermaksud sama ada kita hadirkan mudhaf ilahi atau sifat selepas masdar tersebut.
- Jika anda menulis:

ضُرَبَ ضربٌ

~ Ayat di atas adalah salah kerana tidak cukup syarat yang membolehkan masdar mengganti tempat fa'il.

**٤) الجار والمجرور.**

جلسَ محمدٌ على الكُرسيِّ. (للمعلوم)

جُلِسَ على الكرسي. (للمجهول)

- Kalimah محمد pada ayat pertama adalah fa'il.
- Pada binaan lilmajhul, dihazaf(dibuang) kalimah محمد dan harf jar mengganti tempat fa'il.

# المفعول له

## تعريفه

هو المصدر المفهم علة المشارك لعامله في الوقت والفاعل.

(Masdar yang memahamkan kita sebab bagi berlakunya sebab sesuatu perbuatan yang beserta amilnya pada waktu dan pelakunya).

## شروط نصبه ـ ثلاثة

(Syarat-syarat nasab maf'ul lahu/ maf'ul liajlih.)

١) المصدرية.

٢) إبانة التعليل

٣) اتحاده مع عامله في الوقت والفاعل.

1) Masdar.

2) Nyata sebab.

3) Bersatu bersama amilnya pada masa dan fa'il (pelaku.)

## Hukum-hukum i'rab maf'ul lahu:-

- إن وجدت فيه الشروط الثلاثة:

Sekiranya terdapat padanya syarat-syarat yang 3(syarat-syarat yang dinyatakan sebagaimana nota sebelum ini)

١) جاز أن ينصب

Harus menasabkan(memansubkan maf'ul lahu.

Contoh:-

مثل:كرمتُ بكرًا إجلالاً له.

## أمثلة

مثل : قامَ الطلاّبُ احترامًا للمدرسِ

Pelajar-pelajar telah berdiri kerana/untuk menghormati guru.

- Perhatikan kalimah احتراما.
- احتراما adalah masdar. Syarat maf'ul nasab maf'ul lahu yang pertama adalah المصدرية.
- Kalimah احتراما pada ayat diatas adalah untuk menyatakan sebab kenapa pelajar berdiri.

Ini adalah syarat nasab maf'ul lahu yang kedua iaitu إبانة التعليل.

- Kalimah احتراما juga bersatu dengan amilnya pada waktu dan fa'il.
- Syarat nasab maf'ul lahu yang ke-3 agak sukar sedikit untuk disyarah dalam alam maya.CUBA lihat contoh di bawah.

قام الطلابُ احتراما للمدرس غدًا☒

Pelajar-pelajar telah bangun untuk memuliakan guru esok.

"esok" - tidak bersatu pada masa..maka luput salah satu syarat nasab maf'ul lahu.

**Hukum-hukum i'rob maf'ul lahu:-**

**٢) وجاز أن يجر بحرف الجر التي تفيد التعليل.**

Harus dijarkan (dimajrurkan) dengan harf jar yang memberi faedah ta'lil-guna لام التعليل.

مثل : كرمتُ بكرا لإجلال له.

**المفعول له**

**أحواله/أنواعه**

**أحواله/أنواعه ـ ثلاثة:**

Keadaan-keadaan maf'ul lahu ada 3

١) أن يكون **مجردا عن الألف واللام والإضافة.**

(Tiada alif lam dan idhafat)

٢) أن يكون **محلى بالألف واللام.**

(Ada alif lam)

٣) أن يكون **مضافا.**

(Mudhaf)

Harus kita memansubkan atau memajrurkan maf'ul lahu dengan harf ta'lil (لام التعليل), akan tetapi yang lebih baik adalah seperti di bahagian seterusnya:-

**إن فقد شرط من الشروط الثلاثة**

**إن فقد شرط من الشروط الثلاثة** ـ تعين جره بحرف التعليل.

(Sekiranya hilang/ luput satu syarat daripada 3 syarat maf'ul lahu, maka tentukan jarnya dengan harf ta'lil.

Contoh:-

سافرتُ للمالِ.

(Saya telah bermusafir kerana/untuk harta)

~ yang atas ini hilang syarat (**المصدرية**)

Contoh:-

جِئتُكَ اليومَ لإمرامك غدا.

(Saya telah datang pada kamu hari ini untuk memuliakanmu esok)

~ Hilang syarat bersatu pada masa (**اتحاده مع عامله في الوقت).**

## 📚 المفعول له 📚

### أحواله/أنواعه

١) **المجرد عن الألف واللام والإضافة**، فالأكثر فيه النصب.

(Ketika Tiada alif lam dan idhafaf, maka kebanyakannya adalah nasab-Afdol dibaca dalam keadaan mansub)

مثل : ضربتُ ابني تَأدِيبًا.

٢) **المحلى بالألف واللام**، فالأكثر فيه الجر.

(Ketika Ada alif lam, maka kebanyakkannya adalah majrur-Afdol dibaca dengan majrur)

مثل : ضَربتُ ابني للتأدِيبِ.

٣) **المضاف**، فيجوز فيه النصب

والجر على السواء.

(Ketika menjadi mudhaf, maka harus padanya mansub atau majrur-boleh baca dua2 majrur atau mansub.

ضَرَبتُ ابني تَأديبَهُ/لِتَأديبِهِ.

### 📚 Point To Remember In المفعول له 📚

١) **عرف المفعول له.**

- هو المصدر المفهم علة المشارك لعامله في الوقت والفاعل.

٢) اذكر **شروط نصب المفعول له.**

- المصدرية.
- إبانة التعليل.
- اتحاده مع عامله في الوقت والفاعل.

٣) اذكر **أحوال المفعول له.**

- أن يكون مجردا عن الألف واللام والإضافة.
- أن يكون محلى بالألف واللام.
- أن يكون مضافا.

٤) متى يكون **نصب المفعول له أكثر؟**

- المجرد عن الألف واللام والإضافة.

مثل: ضربتُ ابني تأديبا

٥) متى يكون **جره أكثر؟**

- المحلى بالألف واللام.

مثل:ضربتُ ابني للتأديب.

٦) متى **يستوى الأمران؟**

- المضاف.

مثل:ضربتُ ابني تأديبَه / لتأديبِه.

# المفعول فيه

## تعريفه

زمان أو مكان ضمن معنى (في) باطراد.

Masa atau tempat yang terkandung (mempunyai) makna في dengan serasi/sesuai.

**واحترز بقوله (ضمن معنى في) :**

- كجعل اسم الزمان أو المكان مبتدأ أو خبرا، أو وقع منهما مجرورا، أو ما نصب منهما مفعولا به.

Secara ringkasnya, ayat di atas menerangkan kepada kita keadaan-keadaan yang membatalkan المفعول فيه.

1) Apabila kita menjadikan isim zaman dan isim makan sebagai **mubtada' dan khabar**, maka ini dikecualikan daripada menjadi maf'ul fih.

Contoh:-

يومُ الجمعةِ يومٌ مباركٌ.

( Hari jumaat hari yang diberkati ).

يوم الجمعة = **مبتدأ**

يوم مبارك = **خبر**

2) Ataupun apabila terletak selepas **huruf jar.**

Contoh:-

ذهبتُ إلى المدرسة في يوم الجمعة.

( Saya telah pergi ke sekolah pada hari Jumaat ).

يوم الجمعة = **اسم مجرور بالكسرة**

3) Ataupun apabila kita menjadikannya sebagai **maf'ul bih.**

Contoh:-

أحبُّ يومَ الجمعة.

(Saya suka hari Jumaat).

يومَ الجمعة = **مفعول به منصوب بالفتحة.**

**والناصب له :**

Yang menasabkannya (memansubkan maf'ul fih):

**١ ) المصدر.**

مثل : عجبتُ من ضربك زيدًا يومَ الجمعةِ عندَ الأميرِ.

**Masdar.**

Contoh: Telah mengkagumkan aku pukulan kamu terhadap Zaid pada hari Jumaat disisi ketua.

Perhatikan kalimah زيدا berada dalam keadaan mansub.Ini kerana sebelum kalimah زيدا terdapat masdar yang beramal dengan amalan fe'el.

Kalimah يومَ الجمعة pada contoh di atas merupakan مفعول فيه (ظرف الزمان ).

## إعرابه والعامل فيه

إعرابه : **النصب.**

I'rabnya: Nasab (mansub)

٢) **الفعل.**

مثل : ضربتُ زيدًا يومَ الجمعةِ أمامَ الأمير.

**Fe'el.**

Contoh:-

Saya telah memukul Zaid pada hari Jumaat di depan ketua.

- Kalimah يوم disini merupakan (ظرف الزمان) مفعول فيه
- Kalimah أمامَ pada ayat di atas merupakan (ظرف المكان) مفعول فيه.Makan wajib dibaca dengan baris atas.
- Ada keadaan yang membolehkan kita membaca dengan baris lain sama halnya dengan kalimah seperti بَعْدَ. Boleh dibaca بَعدُ/بَعدِ dengan bersyarat. (Yang ini tidak termasuk dalam peperiksaan STAM) - untuk lebih detail dan jelas, boleh rujuk di channel @Arabic_Course1.

٣) **وصف.**

مثل: أنا ضاربٌ زيدًا اليومَ عندَكَ

**Kata nama sifat.**

Contoh:-

Saya pemukul (memukul) Zaid pada hari ini disisi kamu.

- Perhatikan kalimah زَيدًا berada dalam keadaan mansub.
- Kalimah sebelum زيدا adalah ضاربٌ, yang merupakan fa'il yang beramal dengan amalan fe'el.Maka kalimah زيدًا dibaca dengan mansub.
- Kalimah اليومَ merupakan (ظرف الزمان) مفعول فيه.
- Kalimah عندَ pada ayat di atas juga merupakan (ظرف المكان) مَفعول فيه

### Point To Remember In Maf'ul fih

١) **عرف** المفعول فيه مع **التمثيل.**

- زمانٌ أو مكان ضمن معنى (في) بالطراد.

**مثل:** الكتابُ تحتَ المكتَبِ.

٢) ماذا **يخرج بقوله ( ضمن معنى في)** اذكر مع **التمثيل.**

- مما لم يتضمن معنى (في) كجعل اسم الزمان أو المكان مبتدأ وخبرا، أو ما وقع منهما مجرورا، أو ما نصب منهما مفعولا به.

**مثل :** يومُ الجمعةِ يومٌ مباركٌ.

٣) ما **حكمه في الإعراب؟**

- **النصب.**

٤) واذكر **العامل** في المفعول فيه مع **التمثيل.**

- **المصدر**

**مثل :** عجبتُ من ضربك زيدا يوم الجمعة عند الأمير

- **الفعل**

**مثل :** ضربتُ زيدًا يومَ الجمعة أمام الأمير

- **الوصف**

**مثل :** أنا ضاربٌ زيدًا اليومَ عندَكَ.

# حال

## نوع الحال

١) **أن تكون منتقلة مشتقة في الغالب.**

ومعنى الانتقال : ألا تكون ملازمة للمتصف بها.

مثل: جاء زيدٌ راكِبًا.

Secara ringkasnya, Lihat pada contoh:

جاء زيدٌ راكِبًا.

(Zaid telah datang dalam keadaan menunggang)

✍ Maka ini kita panggil حال منتقلة

✍ Dimaksudkan intiqal disitu , perubahan keadaan kepada keadaan lain.

Perubahan suatu keadaan kepada keadaan lain pada perbuatan.

Boleh jadi menunggang , boleh jadi berjalan , boleh jadi berlari.

2) **وقد تجيء الحال غير منتقلة - أي وصفا لازما.**

مثل: دعوتُ الله سَمِيعًا.

Kadang-kadang datang juga Hal yang tidak berubah - iaitu sifat yang lazim (sentiasa)

Contoh:-

(Aku berdoa kepada Allah dalam keadaan Allah mendengar (sifat mendengar tu adalah sememangnya sifat Allah yang tidak boleh berubah, tidak boleh jadi tiada sifat tu).

## تعريفه

الوصف الفضلة المنتصب للدلالة على هيئة.

(Penyifatan yang dianggap elemen sisihan dalam keadaan mansub untuk menunjukkan bentuk kelakuan).

مثل : دعَوتُ الله سَمِيعًا.

(Aku berdoa kepada Allah dalam keadaan Allah sentiasa mendengar).

Secara mudahnya:-

Hal ialah kalimah yang menjelaskan situasi pelaku atau objek.Ia diterjemahkan dengan dalam keadaan______'.

## مثل

Contoh:-

يَقرأ الطالبُ الكتابَ **جالِسًا.**

*(Pelajar itu membaca buku dalam keadaan duduk)*

✍ Kalimah **جالسا** pada ayat di atas merupakan **Hal.**

✍ Kalimah **جالسا** berada dalam keadaan **mansub**.

## وقد تجيء الحال

### 1) **جامدة** في مواضع، منها:

Kadang-kadang datang juga Hal dalam keadaan jamid (iaitu yang tidak diambil daripada fe'el), antaranya:-

**١) إن دلت على سعر**

مثل : بعهُ مُدًّا بدرهمٍ.

(Sekiranya menunjukkan keatas harga)

Contoh:-

Belilah ia satu cupak dengan satu dirham.

**٢) إن دلت على تفاعل.**

مثل : بِعْتُهُ يَدًا بِيَدٍ.

(Sekiranya menunjukkan perbuatan yang dilakukan oleh dua belah pihak)

Contoh:-

Aku telah jual kepadanya dalam keadaan dari tangan ke tangan (secara langsung).

**٣) إن دلت على تشبيه**

مثل : كَرَّ زَيدٌ أَسَدًا

(Sekiranya menunjukkan keatas perumpamaan).

Contoh:-

Zaid telah menerkam dalam keadaan ia seperti singa.

### 2) أنها لا تكون إلا نكرة.

Hal datang dalam bentuk nakirah.

Asalnya, hal itu datang dalam keadaan nakirah.Tetapi ada juga HAL yang datang dalam keadaan Ma'rifah.Berlaku khilaf ulama' Nahu dalam masalah ni.

١) ذهبَ الجمهور : أن الحال لا تكون إلا نكرة، وأن ما ورد منها معرفا لفظا فهو منكر معنى.

(Jumhur ulama' berpendapat HAL tidak datang kecuali dalam keadaan nakirah.Ulama Jumhur berpendapat HAL yang datang dalam keadaan ma'rifah adalah ma'rifah pada lafaz, nakirah pada makna.

### 3) مجيء الحال جملة:

Datang HAL dalam keadaan jumlah/ayat.

الأصل في الحال - **الإفراد**، وإذا تقع الجملة موقع الحال فلا بد فيها من رابط وهو إما:

(Asal pada HAL - adalah bersendirian (satu kalimah), sekiranya terletak jumlah pada tempat HAL, maka mestilah menggunakan pengikat iaitu:)

**١) ضمير**

مثل: جاء زيد يده على رأسه.

(Kata ganti nama)

**Contoh**:- Zaid telah datang dalam keadaan tangannya diatas kepalanya.

**٢) واو - وتسمى واو الحال.**

مثل: دخلَ محمدٌ المسجِدَ والإمامُ يركَعُ.

(Waw - dinamakan/dikenali sebagai wawulHal)

**Contoh**:- Muhammad telah masuk ke dalam masjid dalam keadaan imam sedang ruku'.)

**٣) الضمير والواو معا.**

مثل: ذهبَ محمدٌ إلى المدرسةِ وهو ماشٍ..

(Kata ganti nama dan waw bersama - terdapat waw dan dhamir dalam satu ayat yang sama)

**Contoh**:- Muhammad telah pergi ke sekolah dan dalam keadaan dia berjalan kaki.

**حال**

**📚 Point To Remember In HAL 📚**

١) **عرف** الحال مع المثال.

تعريفه : الوصف الفضلة المنتصب للدلالة على هيئة.

مثل : ذهبتُ إلى المدرسةِ ماشِيًا.

٢) اذكر **نوعيه** من حيث دلالتها ولفظهما، مع التمثيل لكل منهما.

**-المنتفلة**

مثل: ذهبتُ إلى المدرسة راكِبًا.

**-غير المنتقلة**

مثل: دعوتُ الله سَميعًا.

٣) اذكر **روابط الحال** مع **التمثيل.**

**- الضمير**

مثل: جاء زيد يده على رأسه.

**- واو الحال**

مثل: دخلتُ المسجدَ والإمام يركع.

**-الضمير والواو معا.**

مثل: ذهب محمد إلى المدرسة وهو ماشٍ.

# الإضافة

## ما يحذف لأجل الإضافة

Yang dibuang disebabkan idhafat (penyandaran).

١) نون التثنية.

مثل: معلمان + المدرسة = معلما المدرسة.

**Nun musaanna** dibuang ketika idhofat.

Jika anda menulis,

معلمان المدرسة ☒

Maka ini adalah **salah**.

٢) أو نون الجمع.

مثل: معلمون + المدرسة = معلمو المدرسة.

Buang **nun jama'** ketika idhafat.

٣) وما الحق بهما

مثل: هؤلاء بنوه.

٤) أو تنوين

مثل: بابٌ + البيتُ = بابُ البيتِ.

Tanwin pada kalimah باب dibuang ketika idhofat.

## Point to remember in IDHOFAT

1) اذكر ثلاثة مما **يحذف لأجل الإضافة**.

- نون التثنية
- نون الجمع
- تنوين.

٢) **عرف الإضافة المحضة** مع التمثيل.

- هي غير إضافة الوصف المشابه للفعل المضارع إلى معموله.

مثل: هذا بيتُ محمدٍ.

٣) عرف **الإضافة غير المحضة** مع التمثيل.

- هي إضافة الوصف المشابه للفعل المضارع إلى معموله.

مثل: هذا ضارِبُ زَيدٍ.

٤) **أعرب** إعرابا تاما:

- عدل **أمير** المؤمنين.

فاعل مرفوع بالضمة وهو مضاف.

- نجح **طالبا** المعهد الامتحان.

فاعل مرفوع بالألف لأنه مثنى وهو مضاف.

## أقسام الإضافة

### (1 المحضة

. 1) Idhofat semata-mata.

1- هي غير إضافة الوصف المشابه للفعل المضارع إلى معموله.

Secara ringkasnya, idhofat ini tidak terdiri daripada :

١) اسم الفاعل

٢) اسم المفعول

٣) صفة المشبه

Contoh:

هذا كِتابُ زَيدٍ.

*Ini buku Zaid (buku kepunyaan Zaid).*

**كتاب** = مضاف

**زيد** = مضاف إليه

✍ Perhatikan kalimah كتاب pada contoh di atas bukan

اسم الفاعل، اسم المفعول، صفة المشبهة.

✍ Maka, kita panggil ia sebagai **idhofat mahdah**.

2- و هي تفيد تخصيصا إن كان المضاف إليه نكرة.

✍ Memberi faedah yang khusus sekiranya mudhaf ilahi berada dalam keadaan nakirah (umum).

Nakirah juga bermaksud "tiada alif lam pada isim".

Contoh:

هذا غلامُ امرأةٍ.

Ini anak muda kepada perempuan.(mana-mana perempuan)

**غلام** = مضاف

**امرأة** = مضاف إليه.

✍ Maksudnya disini anak lelaki kepada perempuan..Memberi pengkhususan bahawa anak lelaki kepunyaan perempuan cuma perempuan yang tidak dispesifikkan.Hal ini berbeza apabila kita menjadikan mudhaf ilahi sebagai ma'rifah.

3- تفيد تعريفا إن كان المضاف إليه معرفة.

✍ Memberi faedah ta'rif apabila mudhaf ilahi berada dalam keadaan ma'rifah (khusus).Ta'arif disini bermaksud sesuatu yang sudah diketahui dengan jelas.

Contoh:

هذا غلامُ زَيدٍ.

*Ini anak lelaki kepada Zaid.*

Disini, sudah jelas bahawa anak lelaki tu adalah anak Zaid.(dikhususkan bahawa dia adalah anak kepada zaid).

### ٢) غير المحضة.

2) Bukan sandaran semata-mata.

- هي إضافة الوصف المشابه للفعل المضارع إلى معموله.

Secara ringkasnya, jika mudhaf merupakan:

١) اسم الفاعل

٢) اسم المفعول

٣) الصفة المشبهة.

Maka, kita panggil ia sebagai idhofat ghoiru mahdah.

Contoh:-

**مثال اسم الفاعل:**

هذا ضَارِبُ زَيدٍ.

**مثال اسم المفعول:**

هذا مَضْرُوبُ الأَبِ.

**مثال الصفة المشبهة:**

هذا حسَنُ الوَجهِ.

## 📚 Pengenalan I’rab 📚

✍ Perbincangan i’rab dibicarakan secara meluas dalam disiplin ilmu nahu.I’rab bermaksud perubahan akhir perkataan disebabkan perubahan amil/pengubah fleksi yang berlaku.

✍ Biasanya soalan i’rab akan ada pada soalan د pada soalan Nahu Soraf STAM.(bahagian nahu)

✍ Diperingkat stam, anda perlu nyatakan 3 perkara wajib dalam i’rab:-

١) **موقع**

٢) **حكوم**

٣) **علامة**

✍ Jika anda dapat menyatakan 3 perkara di atas dengan lengkap, anda layak mendapat markah penuh pada soalan i’rab.

Contoh:-

ذهبَ محمدٌ إلى المسجد.

Soalan: I’rab perkataan “**Muhammad**”.

✓ **موقع** : فاعل

✓ **حكوم** : مرفوع

✓ **علامة** : بالضمة.

< **فاعل مرفوع بالضمة.**

✍ Hanya seringkas ini sahaja yang anda perlu tulis di peringkat STAM untuk dapat markah penuh.